



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN PROJEK-PROJEK KECIL JPS MALAYSIA KEPADA JKKK DUN TG. DATU DAERAH LUNDU, SARAWAK

16 FEBRUARI 2017

1. YB. Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek-Projek Kecil Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Tanjong Datu pada 16 Februari 2017 (Khamis) bertempat di Dewan Masyarakat Lundu, Daerah Lundu, Sarawak.
2. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan YBhg. Dato' Sri Ir. Hj Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS).

3. Program ini diadakan antara lain bertujuan merapatkan lagi silaturrahim bersama pemimpin dan penduduk di Daerah Lundu khususnya di kepimpinan JKKK di peringkat akar umbi di samping menggalakkan program gotong-royong bagi mengatasi masalah berkaitan sungai dan sistem perparitan melalui peruntukan yang disalurkan.

4. Dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMK11), melalui kelulusan Rolling Plan Ke-Dua (RP-2) Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sejumlah **635.67 Juta** yang melibatkan pelaksanaan **336 Projek** bagi negeri Sarawak untuk pelaksanaan pelbagai projek dan program berkaitan langkah mitigasi banjir dan pemuliharaan alam sekitar.

5. Dalam program tersebut, YB Menteri mengumumkan peruntukan sejumlah **RM 520,000** untuk **52 kerja-kerja kecil** yang melibatkan **52 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)** dalam kawasan DUN Tanjong Datu bagi dilaksanakan secara gotong-royong. Kerja-kerja secara gotong-royong ini merangkumi kerja-kerja kecil seperti pembersihan dan lain-lain bercorak fizikal untuk tujuan pemuliharaan sungai serta saluran setempat.

6. Program ini merupakan antara pendekatan secara "*touch point*" yang memberikan impak langsung kepada masyarakat di kawasan kampung dalam DUN Tanjong Datu ini.